

SWM pastikan kebersihan pantai Port Dickson terkawal

Susun warga kerja, jentera, tugas perlu dilaksana pada cuti sekolah

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Sempena cuti persekolahan dan bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh, syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal, SWM Environment Sdn Bhd (SWM) akan memastikan tahap kebersihan di sepanjang pantai peranginan Port Dickson berada dalam keadaan bersih serta terkawal.

Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat SWM, Mohd Norlisam Mohd Nordin, berkata pihaknya memandang serius dengan keadaan musim cuti sekolah ini dengan merangka penyusunan warga kerja, jentera serta tugas yang perlu dilaksanakan bagi menghadapi situasi kepadatan pengunjung di lapan buah pantai menjadi tumpuan.

Katanya, antara pantai menjadi tumpuan pengunjung seperti



Pekerja SWM Environment membersihkan tong sampah di kawasan Pantai Saujana, Port Dickson, semalam.

(Foto Mohd Khidir Zakaria/BH)

Pantai Cermin, Pantai Tanjung Biru, Pantai Purnama, Pantai Teluk Kemang, Pantai Cahaya Negeri, Pantai Nelayan, Pantai Saujana dan Pantai Bagan Pinang.

"Seramai 56 anggota SWM akan bertugas di lapan pantai itu seawal 6 pagi untuk membersihkan kawasan pantai.

"Sebanyak 130 tong sampah beroda dan komunal turut disediakan di seluruh pantai.

"Bagi menangani fenomena air pasang besar, syarikat berslap se-

dia dengan unit operasi khas dengan menyediakan jentera jengkut, jentera 'beach comber', lori Roll on Roll Off (RoRo) dan lima anggota dari unit SWM Action Team (SWAT) yang bertindak sekiranya pihak operasi menerima maklumat lambakan sampah laut semasa air pasang besar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di sini, semalam.

Mohd Norlisam berkata, orang ramai diminta untuk melaksa-

nakan amalan kitar semula bagi mengurangkan beban janaan sisa pepejal ke tapak pelupusan.

"Pihak kami (SWM) menasihatkan pengunjung menjaga kebersihan pantai supaya ia berada dalam keadaan selesa sekali gus melestarikan alam sekitar bagi generasi masa hadapan.

"Tong sampah yang disediakan di kawasan pantai juga dicuci unit SWAT setiap Khamis bagi memastikan ia bersih dan tidak berbau busuk," katanya.